

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 18 DISEMBER 2017

KERATAN AKHBAR

20 | AMPANG . HULU LANGAT |

Tebing Sungai Semenyih runtuh

Laluan utama terjejas , bekalan air turut terganggu

SEMENYIH - Penduduk di Kampung Sungai Purun, Semenyih, Selangor gempar apabila tebing Sungai Semenyih, di sini, didapati runtuh dipercayai akibat hujan lebat, kelmarin.

Adun Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz berkata, beliau telah memaklumkan insiden itu kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengambil tindakan segera demi kesejahteraan penduduk.

"Saya khuatir jika tiada tindakan segera, kesan runtuhan mungkin akan bertambah besar sehingga menjejaskan kawasan perumahan penduduk kampung.

"Mereka juga menghadapi kesukaran untuk keluar dan masuk kerana ia jalan utama. Selain itu penduduk turut menghadapi gangguan bekalan air ekoran paip pecah di kawasan berkenaan," katanya.

Sebelum ini, Setiausaha Gagasan Prihatin Semenyih (GPS), Hamdan Abu me-

maklumkan pihaknya telah menerima aduan berhubung kejadian itu pada jam 5 pagi.

"Insiden itu dipercayai berlaku akibat hakisan tanah di kawasan tersebut, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

"Difahamkan, pihak JPS sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan tembok penahan tebing sungai berkenaan bagi mencegah runtuhan tebing daripada merebak," katanya.



Lokasi tebing sungai runtuh.

INFO • Kerja-kerja pembinaan tembok penahan tebing sungai sedang dijalankan